

PM: Usah harap dividen KWSP tinggi

UM 9 OCT 2000

Oleh HELMI MOHD FOAD
dan AKMAR HISHAM MOKLES

PETALING JAYA 8 Okt. — Para penjarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak seharusnya mengharapkan dividen yang tinggi pada tahun ini kerana ekonomi dan pasaran saham dunia belum pulih sepenuhnya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, semua perniagaan di seluruh dunia kini mengalami kemerosotan terutama apabila ada kebimbangan tercetusnya peperangan.

“Dividen datang daripada pelaburan, sedangkan bagi semua orang, pelaburan sekarang dalam keadaan yang tidak baik.

“(Tetapi) ada sesetengah orang mempunyai kepercayaan bahawa tidak kira betapa buruknya ekonomi, mereka mesti mendapat dividen yang tinggi, itu tidak mungkin,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Ekonomi Malaysia-China di Bandar Sunway dekat sini hari ini.

Perdana Menteri menyatakan de-

mikian ketika mengulas tentang kemungkinan KWSP hanya dapat memberikan dividen yang rendah pada tahun ini.

Laporan akhbar baru-baru ini menyebut KWSP yang kebiasaannya mengumumkan kadar dividen pada bulan Mac atau April depan dijangka hanya mampu memberikan pulangan antara empat hingga lima peratus kepada kira-kira 10 juta penjarumnya.

Tahun lalu KWSP memberikan dividen sebanyak lima peratus berbanding enam peratus pada 2000.

Perdana Menteri menjelaskan, dalam keadaan kelembapan ekonomi sekarang banyak ahli perniagaan tidak dapat mencapai margin yang ditetapkan dan mereka mengalami kerugian dalam pelaburan.

“Jadi jika penjarum menerima kadar dividen yang rendah, itu sudah dikira perkara yang baik memandangkan perniagaan di seluruh dunia tidak memberangsangkan,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, pada masa sekarang, pasaran saham Dow Jones dan Nikkei, Jepun dan di nega-

ra-negara lain mengalami kejatuhan dengan kadar potensi yang lebih besar berbanding Malaysia.

“Oleh itu, kita tidak boleh menjangka semua penjarum boleh mendapat dividen yang tinggi.

“Jika dirasakan dengan memberikan dividen yang tinggi itu dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara, kerajaan akan melakukan,” katanya.

Ditanya adakah beliau yakin dengan Lembaga Pelaburan KWSP atau perlu menukarnya kerana mencatatkan dividen yang rendah, beliau berkata:

“Ya...perkara itu (tukar Lembaga Pelaburan) boleh dilakukan tetapi ia tidak banyak memberikan perbezaan.”

Dalam pada itu, ditanya sama ada KWSP membuat pelaburan dalam bon kedaulatan kerajaan, Dr. Mahathir berkata, KWSP mendapat pulangan berdasarkan kadar keuntungan tetap daripada pinjaman yang dibuat oleh kerajaan dan ia boleh dianggap sebagai bon kedaulatan kerajaan.